

PEMULIHARAAN BANDAR,
KES KAJIAN: ALOR SETAR, KEDAH

PTAR

PEMULIHARAAN BANDAR

KES KAJIAN : ALOR SETAR

Oleh

AZLAN BIN MAHMAD

Tesis ini disediakan untuk memenuhi keperluan
Diploma Lanjutan Perancangan Bandar dan Wilayah

Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah
Kajian Senibina, Perancangan dan Ukur
Institut Teknologi MARA
Shah Alam

MEI 1994

PENGHARGAAN

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak dan individu yang telah menyumbang ide, cetusan pendapat dan memberi dorongan di dalam menjayakan kajian ilmiah ini.

Terima kasih kepada Puan Hajjah Dasimah bt. Hj.Omar di atas bimbingan, tunjuk ajar dan masa yang telah beliau luangkan.

Terima kasih kepada Puan Normala Mohd. Noor, Pegawai Perancang MPKS, Encik Muhammad Zaidun Haji Kamsah, Penolong Pegawai Perancang MPKS dan kakitangan Majlis Perbandaran Kota Setar yang telah membantu menyediakan bahan-bahan yang diperlukan.

Terima kasih kepada Encik Rosli Ahmad, Pegawai Penyelidik, Bahagian Koleksi Kedah, Perbadanan Perpustakaan Negeri Kedah yang telah membantu di dalam penyelidikan.

Terima kasih kepada Cik Khariah Afizah Mohammad, Penolong Pegawai Perancang DBKL, Unit Pengekalan dan Seni Bandar, Jabatan Perancang dan Kawalan Bangunan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di atas kerjasama yang telah diberikan.

Terima kasih tidak terhingga kepada kedua ibu bapa dan seisi keluarga di atas galakan dan keprihatinan mereka di dalam membantu penyediaan kajian ilmiah ini.

Terima kasih juga kepada pensyarah-pensyarah Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah, Kajian Senibina, Perancangan dan Ukur, ITM di atas bimbingan, galakan dan keprihatinan mereka.

Terima kasih juga kepada individu-individu lain yang turut membantu walaupun *tidak dapat* dinyatakan tetapi di hati tetap mengingati sumbangan mereka.

ABSTRAK

Malaysia kaya dengan warisan sejarah dan kebudayaan. Sebahagian dari kekayaan ini diabadikan di dalam bentuk bangunan dan negara ini masih mempunyai bangunan-bangunan tersebut. Bangunan-bangunan warisan ini terdiri dari rumah-rumah dan istana Melayu tradisional, rumah-rumah kedai tradisional sehinggalah bangunan-bangunan kolonial yang melambangkan pelbagai corak, kesenian dan kebudayaan yang wujud. Bangunan-bangunan ini telah wujud di bandar-bandar dan telah menjadi sebahagian dari identiti sesuatu bandar. Setelah Merdeka, negara ini telah membangun dengan pesatnya dan turut mempengaruhi perkembangan bandar-bandarnya. Ini menimbulkan pertambahan permintaan terhadap ruang-ruang perniagaan di kawasan bandar. Akibat tekanan-tekanan pembangunan yang wujud khususnya di kawasan perbandaran lama yang menempatkan banyak bangunan-bangunan lama, maka beberapa bangunan warisan ini telah dirobohkan dan diganti dengan bangunan-bangunan moden. Bangunan-bangunan warisan telah menjadi mangsa pembangunan pesat negara. Namun kini telah wujud kesedaran, dari pihak individu, pertubuhan-pertubuhan sukarela hingga pihak-pihak berkuasa tempatan dan negeri, mengenai perlunya warisan ini dipelihara dari pupus. Usaha-usaha telah dijalankan dan beberapa pihak berkuasa tempatan dan negeri telah mempunyai sebuah unit khas bagi pemuliharaan dan enakmen bagi melindungi bangunan-bangunan warisan. Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan juga memberi perhatian terhadap konsep pemuliharaan. Maka kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti bangunan dan kawasan bersejarah yang perlu dikekalkan dan mencadangkan tindakan-tindakan pemuliharaan yang sesuai bagi bandar Alor Setar. Ini dilakukan dengan mengkaji program-program yang telah dan sedang dilaksanakan oleh pihak-pihak berkuasa tempatan lain dan menganalisis potensi yang terdapat di Alor Setar. Cadangan berupa dasar-dasar dan garispanduan pembangunan diharapkan dapat membantu pihak berkuasa tempatan memulihara dan mengawal pembangunan di kawasan pemuliharaan. Pemuliharaan harus dilihat sebagai usaha memelihara warisan dan bandar bukannya sebuah muzium terbuka. Aktiviti-aktiviti yang bersesuaian perlu diteruskan agar bandar terus hidup.

Pengesahan Jabatan	
Tajuk	i
Penghargaan	ii
Abstrak	iii
Senarai Jadual	iv
Senarai Pelan	v
Senarai Rajah	vi
Senarai Gambar	vii
Senarai Lampiran	viii
Senarai Singkat Kata	

KANDUNGAN

BAB 1 : PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Kenyataan Masalah.....	4
1.3 Tujuan dan Objektif Kajian	
1.3.1 Tujuan Kajian.....	6
1.3.2 Objektif Kajian.....	6
1.4 Skop Kajian.....	7
1.5 Batasan Kajian.....	8
1.6 Metodologi Kajian.....	9
1.7 Latarbelakang Kawasan Kajian.....	12
1.8 Rumusan.....	14

BAB 2 : KAJIAN TEORITIKAL

2.1 Pengenalan.....	15
2.1.1 Definisi.....	17